# TEKS UCAPAN

**PROF. DATO' DR ASMADI BIN MOHAMED NAIM**
**NAIB CANSELOR**

---

**MAJLIS PEMBUKAAN PROGRAM "SAWADEE UniSHAMS"**
**BERSAMA DELEGASI THAILAND**

| | | |
|---|---|---|
| 9:00 pagi | 8 Oktober 2023 (Ahad) | Dewan Serbaguna |

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العلمين. والصلاة و السلام على رسوله الأمين.

وعلى اله وصحبه أجمعين. أما بعد:

(Bismillahirrahmannirrahim,
Alhamdulillahi Rabbil ‘Alamin,
Was-solatu was-salamu ‘ala Rasulihil-amin,
Wa’ala aalihi wasohbihi ajma’in.. : amma ba’du)

## *Salurtasi*

Yang Berusaha Saudara/i Pengerusi Majlis,

Yang Berusaha,
Prof. Madya Dr. Muhammad Nasri bin Md. Hussain,
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa

Yang Berusaha,
Dr. Rohani binti Desa,
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Yang Berusaha,
Tuan Haji Mohd Zaini bin Haji Ramli,
Timbalan Naib Canselor Kelestarian Institusi & Jaringan Industri

Yang Berusaha,
Haji Mohd Fahmi bin Sheikh Omar,
Pendaftar

Yang Berusaha,
Puan Hajjah Molyna binti Mohd Annuar,
Bendahari

Yang Berusaha,
Dr Nadia Murshida binti Abd Azzis,
Penasihat Undang-Undang

Yang Diraikan,
Dr Marwan Hayeemaming,
Ketua Jabatan Akademik Menengah, Sekolah Sasnasuksa

**Yang Diraikan,**
**Ustaz Armadruchdee Heemphinit,**
Pimpinan Sekolah, Pondok Moden Rasmianusorn

**Ustazah Wanida Heemphinit,**
Pengurus Sekolah, Pondok Moden Rasmianusorn

**Yang Diraikan,**
**Mr Fauzi Langputeh,**
Director of Al-Quran Institute Thailand

**Mr Ibrauheem Wongsangiam,**
Chief of Governing Academic Affair, Al-Quran Institute Thailand

**Pegawai-pegawai Sekolah Sasnasuksa,**

**Guru-guru Pondok Moden Rasmianusorn,**

**Pegawai-pegawai Institut Al-Quran Thailand,**

**Dekan-Dekan, Pengarah-Pengarah, Pegawai-pegawai Kanan, Pegawai-pegawai UniSHAMS,**

**Hadirin dan hadirat sekalian.**

Asslamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan terima kasih kepada delegasi dari **Sekolah Sasnasuksa, Pondok Moden Rasmianusorn** dan **Institut Al-Quran Thailand** kerana sudi untuk berkunjung ke kampus Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) pada hari ini. Seluruh warga UniSHAMS amat mengalu-alukan kunjungan delegasi daripada ketiga-tiga organisasi ini dalam usaha mengeratkan hubungan kerjasama yang berterusan.

2. InsyaAllah, pihak UniSHAMS bersedia membuka ruang perbincangan bersama semua pihak yang hadir bagi membina kerjasama yang difikirkan dapat meningkatkan kemajuan dan pembangunan dalam pelbagai aspek seperti penyelidikan, modal insan dan akademik di antara semua institusi yang ada pada pagi ini.

3. Selain itu, UniSHAMS juga berharap perkongsian ilmu, pengalaman dan hubungan antara semua organisasi yang ada pada hari ini akan memberikan impak yang besar dalam pembangunan organisasi masing-masing dan umat Islam serantau.

4. Keberadaan semua institusi yang ada pada pagi ini di negara yang berbeza bukanlah menjadi satu penghalang dalam meningkatkan pembangunan organisasi terutama dalam kemajuan akademik dan pelajar, rasa kebersamaan dalam negara serantau tidak menjadi penghalang kepada kedua-dua institusi ini bergerak untuk menjalinkan kerjasama yang utuh.

5. Semoga dengan kunjungan dan perjumpaan ini akan mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama di antara **Sekolah Sasnasuksa, Pondok Moden Rasmianusorn, Institut Al-Quran Thailand** dan UniSHAMS serta membuka lebih banyak peluang dan pelbagai bentuk kerjasama pada masa akan datang.

6. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.

---------------------------------------------------------------- TAMAT ----------------------------------------------------------------

Disediakan oleh:

Pejabat Naib Canselor,
UniSHAMS

7 Oktober 2023